

DO11

U B952 DEB
MAHATHIR - USNO

KUALA LUMPUR, 27 SEPT (BERNAMA) -- USNO TELAH MENGEMUKAKAN PERMOHONANNYA UNTUK MENGANGGOTAI SEMULA BARISAN NASIONAL, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERMOHONAN ITU DITERIMA MINGGU LALU, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SEMASA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO BERHENTI REHAT PETANG INI.

BAGAIMANAPUN PERDANA MENTERI TIDAK MENJELASKAN PANDANGAN BN TERHADAP PERMOHONAN ITU DENGAN BERKATA '+IA ADALAH SOAL DALAM BN SENDIRI+'.

MENGENAI PARTI NASIONALIS MALAYSIA (PNM), TIMBALANNYA DATUK MUSA HITAM, YANG TURUT SAMA DALAM PERTEMUAN ITU, BERKATA PARTI ITU MASIH BELUM DIDAFTARKAN LAGI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KERAJAAN TELAH TAHU BAHAWA PRESIDEN CUEPACS, ENCIK AHMAD NOR ADALAH SALAH SEORANG PENAJA PNM DAN DIA AKAN MEMEGANG JAWATAN TERTINGGI DALAM PARTI ITU. -- LAGI
1936MST 27 07 85

MAHATHIR - USNO 2 KUALA LUMPUR

DATUK MUSA BERKATA KERAJAAN TIDAK TAKUT DENGAN KEWUJUDAN PNM TETAPI APA YANG MENARIK PERHATIAN SEKARANG IALAH ENCIK AHMAD NOR YANG BAKAL MEMEGANG TIGA JAWATAN IAITU SEBAGAI PEMIMPIN POLITIK, PEMIMPIN KESATUAN DAN SEBAGAI PEGAWAI KERAJAAN.

+ KINI KAMI FAHAM TUJUAN SEBENAR ENCIK AHMAD NOR, DI SEBALIK MENGADAKAN BERBAGAI-BAGAI UGUTAN, MEMPUNYAI HASRAT UNTUK KEPENTINGAN POLITIKNYA SENDIRI,+ KATA DATUK MUSA. -- BERNAMA
1937MST 27 09 85